

5

Kesejahteraan dan Peminggiran Orang Asli Jakun Tasik Chini dalam Menuju Pembangunan Lestari

*Nasrudin Subhi,
Rozita Ibrahim,
Mohd Suhaimi Mohamad &
Azmah Mohti*

Pengenalan

Bab ini membincangkan sejauh mana masyarakat Orang Asli di Tasik Chini dipinggirkan daripada arus pembangunan negara. Bab ini juga membincangkan status kesejahteraan komuniti Orang Asli Jakun di Tasik Chini berdasarkan hasil pemetaan aset yang dijalankan ke atas mereka dan harapan mereka dari segi pembangunan sosial, ekonomi dan pembangunan fizikal bagi menjamin kesejahteraan komuniti Orang Asli di Tasik Chini. Seterusnya bab ini melihat langkah-langkah yang telah dan perlu diambil oleh pihak yang bertanggungjawab seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi memastikan tahap pendidikan, kesihatan, sosioekonomi dan kesejahteraan hidup masyarakat Orang Asli di Tasik Chini terbelak.

Mengenal Orang Asli Jakun Tasik Chini

Kehidupan Orang Asli mempunyai hubungan yang kuat kepada tanah, hutan dan kawasan perairan yang membentuk asas identiti, kebudayaan dan cara hidup mereka. Begitu juga dengan Orang Asli Tasik Chini yang sangat sinonim dengan tasik. Mereka membina persekitaran tempat tinggal berdekatan dengan tasik yang menjadi

nadi kehidupan seharian mereka. Hubungan masyarakat Orang Asli Jakun dengan Tasik Chini berbentuk simbiosis iaitu terdapat saling kebergantungan antara masyarakat dengan persekitaran. Melalui kepelbagaian cara hidup, sistem pengetahuan, pengurusan sumber yang mapan dan amalan pemuliharaan mereka sendiri, Orang Asli menyumbang kepada pembangunan lestari. Masyarakat Orang Asli merupakan komuniti perintis kepada ketamadunan manusia di Tasik Chini. Ini membuka ruang dan peluang kepada masyarakat luar untuk turut sama menghuni zon teras Rizab Biosfera Tasik Chini. Namun, diskriminasi terhadap Orang Asli yang sudah lama berlaku, menyebabkan mereka kehilangan tanah dan telah mengehendkan capaian mereka kepada sumber semula jadi, pendidikan dan kesihatan, penglibatan politik, sistem keadilan dan banyak lagi hak-hak asasi. Oleh sebab itu, mereka selalunya antara yang paling miskin dan terpinggir.

Kebanyakan Orang Asli Tasik Chini terdiri daripada suku Jakun yang mempunyai latar belakang sosioekonomi berpendapatan rendah. Secara geografi, lokasi tempat tinggal Orang Asli yang jauh di pedalaman ini menyebabkan masalah yang berkaitan kemiskinan seperti tahap literasi yang rendah dalam kalangan orang dewasa dan tahap keciciran yang tinggi dalam kalangan kanak-kanak sekolah terutama apabila memasuki peringkat pendidikan menengah. Mereka mendiami kawasan persisiran tasik yang meliputi enam buah kampung, iaitu Kampung Gumum, Kampung Ulu Gumum, Kampung Tanjung Puput, Kampung Cendahan, Kampung Melai dan Kampung Ulu Melai. Kampung Gumum merupakan satu-satunya kampung yang diiktiraf oleh kerajaan sebagai penempatan rasmi masyarakat Orang Asli di Tasik Chini. Kampung Gumum dibuka pada tahun 1970-an di bawah Rancangan Pengumpulan Semula. Pada asalnya pihak kerajaan berhasrat membuka hanya sebuah kampung penempatan rasmi, namun budaya kehidupan masyarakat Orang Asli yang berpindah randah dan suka mendiami kawasan gigi tasik membuatkan kampung-kampung kecil lain terus tumbuh secara tidak rasmi. Kampung-kampung ini mempunyai capaian kepada tasik-tasik kecil yang membentuk rangkaian kepada apa yang dikenali sebagai Tasik Chini.

Kepimpinan Orang Asli Tasik Chini diketuai oleh seorang Tok Batin. Tok Batin ini berkuasa penuh ke atas segala hal ehwal penduduk kampung. Tok Batin bertanggungjawab menjaga kebajikan dan keselamatan semua anak buah di bawah jagaannya serta bertindak sebagai ketua adat seperti dalam urusan perkahwinan dan segala urusan pentadbiran kampung. Pada masa kini, jawatan Tok Batin disandang oleh Batin Awang Alok sejak tahun 1968 (Nasrudin et al., 2018).

Masyarakat Orang Asli Jakun yang tinggal di Tasik Chini dianggarkan seramai hampir 900 orang. Secara umumnya, pekerjaan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun di Tasik Chini kebanyakan ialah petani sama ada sebagai penoreh getah, penanam sayur dan pengumpul hasil hutan. Selain itu, mereka juga turut menjalankan kegiatan seperti menangkap ikan, berladang, memburu, mengambil upah dan menanam herba untuk kegunaan sendiri. Rata-rata pekerjaan penduduk berasaskan pertanian dan jumlah pendapatan mereka agak kecil, malah mereka jarang dapat menjelaskan pendapatan sebulan mereka dengan tepat. Kebanyakan daripada mereka juga menyatakan mereka tidak mempunyai pekerjaan yang tetap tetapi melakukan pekerjaan sampingan asalkan mereka memperoleh pendapatan dalam sebulan (Habibah Ahmad et al., 2009; Mustafa et al., 2010; Nasrudin et al., 2018).

Selain itu, isu pencemaran alam sekitar seperti penebangan hutan dan perlombongan bijih besi yang tidak terancang turut membelenggu masyarakat Orang Asli di Tasik Chini sehingga mengganggu aktiviti harian mereka dalam mencari hasil hutan sebagai sumber pendapatan utama. Keadaan alam sekitar yang semakin terancam disebabkan oleh aktiviti pembalakan dan perlombongan haram tanpa kawalan mengakibatkan hasil hutan semakin berkurangan dan sekali gus keadaan ini mengganggu tahap kesejahteraan hidup mereka. Dalam hal ini, masyarakat Orang Asli di Tasik Chini menuntut penghormatan, pengiktirafan dan perlindungan hak mereka kepada pembangunan yang ditentukan sendiri, serta hak kepada tanah, wilayah dan sumber-sumber

mereka. Khidmat am (yang bersesuaian dengan budaya mereka) seperti pendidikan dan kesihatan, peluang pekerjaan dan sara hidup yang adil, infrastruktur serta teknologi juga penting bagi aspirasi Orang Asli untuk pembangunan yang ditentukan sendiri. Pada tahun 2015, pemimpin-pemimpin dunia telah menerima Agenda Pembangunan Lestari 2030. Agenda 2030 yang mencerminkan visi masa depan yang bercita-cita tinggi ini menggariskan bahawa tiada sesiapa yang ditinggalkan. Agenda transformatif ini memerlukan perubahan pada setiap peringkat demi memastikan ia menjadi realiti di semua negara yang mempunyai penduduk Orang Asli. Sekiranya pelaksanaan Deklarasi PBB berkenaan Hak Orang Asli ini berjaya dilaksanakan ia berupaya meningkatkan tahap pencapaian Orang Asli sekaligus membantu mengatasi diskriminasi yang dihadapi mereka. Sebaliknya, sekiranya usaha ini gagal akan cenderung untuk lebih meminggirkan Orang Asli selain menggugat kesejahteraan mereka. Jika Agenda 2030 ingin menangani cabaran yang dihadapi, ada tiga aspek penting yang perlu dipertimbangkan: (i) Orang Asli mestilah dilindungi daripada kesan negatif arus pembangunan am yang mungkin menggugat hak dan kesejahteraan mereka; (ii) Orang Asli mempunyai hak untuk terlibat sepenuhnya dan mendapat manfaat daripada usaha pembangunan secara am dan (iii) hak Orang Asli kepada pembangunan ditentukan sendiri mestilah disokong (Feiring et al., 2017).

Demografi Komuniti Orang Asli Jakun Tasik Chini

Dalam usaha untuk mendalami demografi komuniti Orang Asli Jakun Tasik Chini dengan lebih terperinci, satu usaha penyelidikan melalui tinjauan menggunakan kaedah pemetaan aset dijalankan oleh para penyelidik sains sosial daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2019. Seramai 138 Orang Asli berjaya didekati dan disantuni dalam usaha untuk mendapatkan informasi berkenaan demografi dan gaya hidup mereka. Daripada jumlah ini

seramai 63 orang (45.7%) ketua isi rumah, 62 orang (44.9 peratus) merupakan anak/belia dan 13 orang (9.4 peratus) merupakan pasangan. Secara keseluruhannya, sebanyak 63 peratus responden terdiri perempuan dan 37 peratus lelaki. Majoriti mereka berbangsa Orang Asli iaitu sebanyak 95.7 peratus manakala selainnya Melayu (1.4 peratus) dan bangsa lain (2.9 peratus). Mereka yang berbangsa lain ini disebabkan berlakunya perkahwinan campur dalam kalangan Orang Asli sendiri. Rata-rata Orang Asli Jakun masih mengamalkan kefahaman animisme (70.3 peratus). Walaupun negara melalui Kementerian Pelajaran Malaysia menyasarkan tiada keciciran dalam soal pembelajaran anak-anak, namun peratusan yang masih tidak pernah bersekolah di Tasik Chini masih dapat dikatakan tinggi jumlahnya dengan peratusan sebanyak 27.5 peratus. Begitu juga dengan bilangan mereka yang hanya belajar sehingga tamat persekolahan di peringkat sekolah rendah sahaja turut berada pada tahap peratusan yang dianggap tinggi iaitu sebanyak 34.8 peratus. Keseluruhan maklumat demografi ini adalah seperti dalam paparan dalam Jadual 5.1.

Kemiskinan amat sinonim dengan kehidupan Orang Asli. Hal ini memandangkan mereka tinggal di kawasan pedalaman dan majoriti mereka tidak terlibat dengan sebarang pekerjaan mempunyai pendapatan yang tetap setiap bulan. Sebanyak 77.5 peratus daripada keseluruhan penduduk Orang Asli Tasik Chini memperoleh pendapatan kurang daripada RM1,000.00 sebulan. Melihat daripada senario negara, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi membahagikan mereka yang berpendapatan rendah kepada kategori miskin (berpendapatan isi rumah kurang daripada RM989.00 sebulan) dan miskin tegar (berpendapatan isi rumah kurang daripada RM620.00 sebulan) (Portal Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2020). Sekiranya formula ini diaplikasikan kepada komuniti Orang Asli Tasik Chini maka jumlah mereka yang miskin tegar adalah setinggi 60.8 peratus.

Jadual 5.1 Latar belakang demografi Orang Asli Jakun, Tasik Chini

	Kategori	Bilangan responden	Peratus (%)
Responden	Ketua rumah	63	45.7
	Anak / Belia	62	44.9
	Pasangan	13	9.4
Jantina	Lelaki	51	37.0
	Perempuan	87	63.0
Umur	Bawah 19 tahun	9	6.5
	20–29 tahun	33	23.9
	30–39 tahun	37	26.8
	40–49 tahun	21	15.2
	50–59 tahun	12	8.7
	60–69 tahun	18	13.0
	70 tahun ke atas	8	5.8
Taraf perkahwinan	Bujang	13	9.4
	Berkahwin	110	79.7
	Balu/Janda/Duda	15	10.9
Bangsa	Orang Asli	132	95.7
	Melayu	2	1.4
	Lain-lain	4	2.9
Agama	Islam	18	13.0
	Kristian	20	14.5
	Animisme	97	70.3
	Lain-lain	3	2.2
Taraf pendidikan	Tidak pernah bersekolah	38	27.5
	Sekolah Rendah	48	34.8
	Sek. Men. Rendah (1–3)	20	14.5
	Sek. Men. Atas (4–5)	27	19.6
	Maktab/ Institusi/Universiti	3	2.2
	Lain-lain (Sekolah dewasa)	2	1.4

Sumber pendapatan utama bagi kebanyakan Orang Asli Tasik Chini adalah melalui pekerjaan menoreh getah. Sebanyak 48.6 peratus Orang Asli terlibat dengan aktiviti ini. Selain itu, menjadi pekerja ladang sawit (15.9 peratus) dan mencari hasil hutan (12.3 peratus) turut menjadi pilihan Orang Asli dalam usaha untuk menjana pendapatan bagi keluarga. Selain sumber pendapatan utama, mereka turut melakukan kerja-kerja sampingan bagi menambah sumber pendapatan. Sumber pendapatan sampingan yang menjadi pilihan Orang Asli ialah mencari hasil hutan (10.9 peratus) diikuti oleh menoreh getah (5.1 peratus). Mencari hasil tasik, bekerja sendiri dan sebagai penerima bantuan berkongsi kedudukan tempat ketiga dengan peratus sebanyak 3.6 bagi kategori sumber pendapatan sampingan. Jika diperhalus jenis sumber pendapatan utama dan sampingan tiada jauh beza dan bersifat timbal balik. Dengan erti kata lain, jika seorang individu menjadikan kerja menoreh getah sebagai sumber pendapatan utama berkemungkinan beliau akan menjadikan kerja mencari hasil hutan sebagai sumber pendapatan sampingan dan begitu lah sebaliknya. Majoriti (73.2%) masih lagi menerima bantuan kewangan sebagai salah satu sumber pendapatan bulanan mereka. Secara tidak langsung ini menunjukkan budaya menerima dan mengharapkan sesuatu daripada pihak luar dalam membantu meringankan beban kehidupan seharian masih lagi menebal. Sekiranya budaya ini masih berterusan dikhuatiri ibaratnya Orang Asli akan sentiasa diberi ikan berbanding diajar menggunakan joran bagi mendapatkan ikan.

Status Kesejahteraan Komuniti Orang Asli Jakun Tasik Chini

Isu tentang kesejahteraan komuniti Orang Asli selalu dijadikan perdebatan. Masyarakat luar sering kali membuat andaian tentang kesejahteraan diri mereka berdasarkan pemerhatian dan pandangan kasar. Walau bagaimanapun, bagaimanakah pula tentang tafsiran kesejahteraan daripada pandangan dan kaca mata mereka sendiri?

Adakah definisi dan makna sejahtera pada diri Orang Asli sendiri sama dengan tafsiran kita sebagai orang luar yang menilai mereka? Apa pun kita perlu sedar nilai dan persekitaran setiap kelompok komuniti itu berbeza antara satu sama lain. Perbezaan itu pasti ada, namun jurang perbezaan ini masih kurang jelas. Penerangan lanjut tentang isu ini juga bersandarkan kajian pemetaan aset yang dijalankan pada tahun 2019.

Walaupun komuniti Orang Asli tinggal di pedalaman dan berada dalam keadaan serba kekurangan, namun khususnya bagi komuniti Orang Asli Jakun Tasik Chini boleh dikatakan mereka mempunyai jati diri yang teguh. Secara majoriti (90.6%) mereka menyatakan berbangga menjadi ahli komuniti Orang Asli Tasik Chini. Antara perkara yang paling dibanggakan berkenaan komuniti mereka ialah budaya itu sendiri yang terangkum dalamnya aspek adat resam, persekitaran dan juga sosial. Ini terbukti apabila adat resam memperoleh undi sokongan sebanyak 62.3 peratus.

Dari segi kepimpinan pula, Tok Batin masih dilihat sebagai tokoh terpenting dalam komuniti. Ini terbukti apabila sebanyak 88.4 peratus menyatakan persetujuan terhadap perkara ini. Tok Batin berperanan sebagai ketua dalam menjaga dan menjamin ketenteraman dalam komuniti. Beliau juga dilihat sebagai figura utama dalam menjadi jambatan penghubung di antara Orang Asli dengan pihak luar (Nasrudin et al., 2018). Beliau dianggap penting dalam pembentukan perhubungan baharu. Peranan Tok Batin masih dilihat relevan bagi Orang Asli walaupun kini peranan mengurus kampung banyak dibantu oleh Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang dahulunya dikenali sebagai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Di Tasik Chini, Tok Batin tidak terlibat dalam MPKK. Fungsi utama MPKK adalah dalam membuat perancangan projek atau program serta meneliti pelaksanaannya di dalam kampung-kampung. Dalam melaksanakan projek atau program ini, MPKK turut menggerakkan penglibatan komuniti setempat. Selain itu, MPKK turut menjadi perantara antara komuniti kampung dengan pihak berkuasa berkenaan segala isu atau permasalahan yang timbul (Portal Kementerian Pembangunan Luar Bandar, 2020). Walaupun

MPKK tidak memperoleh penghormatan setinggi Tok Batin dari segi kepimpinannya mereka tetap memperoleh peratusan yang tinggi iaitu sebanyak 75.3 peratus. Tambahan, peratusan sebanyak 66 peratus merasakan MPKK berjaya menyatukan komuniti mereka. Bagi penilaian terhadap komuniti sendiri, sebanyak 76.1 peratus merasakan komuniti Orang Asli Tasik Chini ialah komuniti yang bersatu padu.

Kesejahteraan komuniti juga meliputi aspek bebas daripada sebarang isu sosial atau setidak-tidaknya segala isu sosial tersebut berada dalam keadaan terkawal. Adakah kedudukan komuniti Orang Asli Tasik Chini yang terpinggir menjadikan mereka bebas daripada isu sosial seperti yang berlaku di bandar-bandar atau mereka juga tidak terkecuali dalam berhadapan dengan cabaran isu sosial masa kini? Berhubung isu sosial, hanya sebanyak 35.5 peratus merasakan komuniti Orang Asli Tasik Chini bebas daripada masalah sosial berbanding 31.9 peratus merasakan sebaliknya manakala sebanyak 32.6 peratus bersifat berkecuali. Tiga aktiviti delinkuen utama yang menular dalam kalangan komuniti Orang Asli Tasik Chini yang membawa kepada permasalahan sosial ialah pengambilan dadah (32%) dan alkohol (29%) serta melepak (20%). Sebagai contoh, Nasrudin et al. (2018) mendapati bahawa arak 'laici' (buah laici tertera pada botol-botol arak) agak masyhur dalam kalangan komuniti Orang Asli Tasik Chini kerana botol-botol arak yang kosong mudah dijumpai. Arak ini yang mudah didapati daripada satu-satunya kedai runcit di dalam kampung serta harganya yang tidak mahal menjadikannya sebagai pilihan utama. Perkara yang sedikit membimbangkan ialah kandungan alkohol yang terkandung dalam setiap botol arak dirasakan tinggi iaitu sebanyak 30 peratus. Ketiga-tiga faktor ini cenderung mengakibatkan ketagihan arak dalam kalangan komuniti Orang Asli Tasik Chini. Secara tidak langsung juga, isu-isu sosial ini cenderung untuk menimbulkan masalah jenayah dalam komuniti dan hal ini dipersetujui oleh 50 peratus komuniti yang dibuat tinjauan.

Bagi meningkatkan pembangunan sosial, tiga bentuk pembangunan utama yang menjadi pilihan komuniti untuk tempoh lima tahun mendatang iaitu menaik taraf sistem

pengangkutan termasuklah pembinaan jalan raya yang mampu menghubungkan lebih banyak kampung sedia ada selain daripada menaik taraf jalan raya sedia ada di samping mengharapkan sistem pengangkutan awam sampai ke kampung-kampung mereka. Perkara kedua yang diharapkan bagi meningkatkan pembangunan sosial iaitu memberikan lebih perhatian berkenaan tahap pendidikan anak-anak Orang Asli. Buat masa kini, kanak-kanak bersekolah di peringkat pra dan rendah di SK Tasik Chini. Namun, apabila masuk ke peringkat sekolah menengah mereka perlu keluar daripada kampung dan tinggal di sekolah-sekolah berdekatan yang mempunyai kemudahan asrama. Walaupun tahap pendidikan sudah semakin baik berbanding dahulu namun secara keseluruhannya masih pada tahap yang kurang membanggakan. Kadar keciciran di peringkat sekolah menengah masih tinggi. Antara sebab utama yang membawa kepada terjadinya keciciran termasuk (i) anak-anak Orang Asli terlalu merindui ibu bapa dan keluarga apabila tinggal di asrama kerana hubungan perapatan dan kebergantungan mereka yang kuat, (ii) mereka tidak dapat menyesuaikan diri dalam suasana tinggal di asrama, (iii) dibuli oleh rakan-rakan dan (iv) ibu bapa yang tidak cukup ilmu dalam memandu arah soal pendidikan dan masa depan anak. Perkara ketiga yang diharapkan bagi meningkatkan pembangunan sosial iaitu meningkatkan bekalan elektrik kepada kampung-kampung kecil yang masih belum ada kemudahan ini. Hanya Kampung Gumpang yang mempunyai bekalan elektrik dan juga bekalan air paip terus ke rumah memandangkan kampung inilah satu-satunya kampung yang diiktiraf kerajaan melalui proses perpindahan semula pada awal tahun 70-an (Nasrudin et al., 2018).

Perkara seterusnya yang ingin diketengahkan dalam usaha untuk menjamin kesejahteraan komuniti adalah dari aspek ekonomi setempat. Seperti yang dinyatakan, sumber pendapatan utama komuniti Orang Asli Tasik Chini adalah daripada aktiviti menoreh getah. Namun demikian, dengan hanya bersandarkan pekerjaan ini tidak dapat menampung kehidupan berkeluarga. Kebanyakan daripada mereka melakukan pekerjaan lain sebagai

sumber pendapatan sampingan. Oleh sebab yang demikian, komuniti Orang Asli Tasik Chini amat berharap dalam tempoh lima tahun terdekat akan ada lebih banyak peluang pekerjaan bagi mereka dalam usaha untuk menambahkan sumber pendapatan keluarga. Mereka juga mengharapkan lebih banyak kedai dan juga pusat kemudahan yang dapat memasarkan barangan hasil buatan Orang Asli sendiri. Selain itu, mereka turut mohon pertimbangan agar mereka berupaya menerima bantuan kewangan sara hidup mahupun kos pendidikan yang kian meningkat saban hari.

Perkara terakhir yang dilihat penting dari kaca mata Orang Asli sendiri adalah tentang kesejahteraan komuniti iaitu dari segi penjagaan alam sekitar terutama hutan yang selama ini menjadi tempat rayau mereka. Namun, isu yang dilihat paling mengancam kehijauan hutan di Tasik Chini ialah akibat aktiviti perlombongan yang tidak terkawal termasuk yang dilakukan secara haram. Perkara ini diakui oleh komuniti Orang Asli sendiri dengan 62 peratus menyatakan isu perlombongan sebagai isu utama mereka yang mengancam kehidupan dan alam sekitar. Walaupun kegiatan perlombongan dilakukan di kawasan Tasik Chini, ironinya ia tidak pula membuka peluang pekerjaan bagi penduduk setempat terutama daripada kalangan Orang Asli sendiri. Ini memandangkan menerusi tinjauan yang dilakukan hanya 16.6 peratus yang menyatakan kegiatan ini memberikan sumber kewangan buat mereka. Sebaliknya majoriti (88.4%) menyatakan bahawa aktiviti perlombongan mendatangkan kesan buruk kepada alam sekitar Tasik Chini dan mahu aktiviti tersebut dihentikan segera (82.6%). Nasrudin et al. (2018) menyatakan bahawa impak negatif yang dibawa oleh perlombongan adalah lebih dahsyat berbanding pertanian berskala mega untuk dijadikan estet getah kerana penggondolan hutan dilakukan secara total hingga memusnahkan kawasan rayau buat haiwan serta Orang Asli. Kesan langsung daripadanya, mereka kehilangan tempat untuk mendapatkan sumber makanan dan ekonomi. Selain itu, sifat hutan sebagai kawasan tadahan hujan juga musnah hingga menyebabkan tasik menjadi semakin cetek akibat mendapan tanah.

Langkah-Langkah dan Cabaran

Langkah-langkah yang diambil oleh pihak bertanggungjawab seperti JAKOA ialah usaha integrasi Orang Asli ke dalam masyarakat umum. Usaha integrasi yang dijalankan oleh JAKOA sejak sekian lama memberikan impak positif apabila berlakunya perkahwinan campur antara Orang Asli dengan masyarakat luar, pertukaran gaya hidup tradisional kepada kehidupan moden, serta penglibatan Orang Asli dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Antara keutamaan yang menjadi fokus JAKOA adalah untuk menurunkan kadar kemiskinan Orang Asli melalui pemantapan pendidikan (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2016). Meskipun JAKOA telah banyak pencapaiannya, usaha integrasi Orang Asli ke dalam arus perdana perlu ditambah baik dan dimantapkan dari masa ke masa. Kekuatan komuniti Orang Asli Tasik Chini dapat dikaitkan dengan tiga faktor berikut: (1) saiz populasi, (2) kearifan tempatan dan (3) legenda naga Tasik Chini. Faktor pertama, saiz populasi komuniti seramai lebih kurang 800 orang boleh dikatakan tidak terlalu besar dan tidak pula terlalu kecil. Selain itu, komposisi usia dan jantina juga agak seimbang. Profil komuniti mereka yang sebegini menyediakan sumber tenaga manusia yang diperlukan dalam usaha pembangunan dan pemerksaan. Faktor kedua, kearifan tempatan dan faktor ketiga, legenda naga Tasik Chini boleh dimanfaatkan oleh Orang Asli dalam usaha memperkasa sosioekonomi melalui aktiviti pelancongan ilmu (*edu-tourism*). Komuniti Orang Asli yang bertapak sejak hampir 100 tahun di kawasan Tasik Chini amat mengenali selok-belok kawasan hutan dan tasik dengan begitu baik .

Selain itu, terdapat tiga faktor kelemahan perlu diambil serius dalam usaha integrasi masyarakat Orang Asli ke dalam kehidupan arus perdana: (1) akses atau keterhubungan dengan dunia luar, (2) masalah kemiskinan dan (3) sikap sambil lewa serta kurang daya saing. Pertama, kedudukan perkampungan Orang Asli yang jauh di pedalaman sememangnya menimbulkan kesukaran dari segi akses kepada pembangunan infrastruktur. Kewujudan kampung tidak rasmi yang menempatkan bilangan penduduk yang rendah dan

kedudukan yang jauh antara satu sama lain menyukarkan lagi usaha pembangunan. Namun demikian, kesukaran berkaitan akses ini nampaknya semakin baik diatasi dengan adanya teknologi terkini misalnya penggunaan tenaga solar bagi kampung-kampung tidak rasmi yang tiada bekalan tenaga elektrik. Selain itu, kemudahan telefon dan Internet juga mula sampai ke perkampungan Orang Asli Tasik Chini. Ini secara tidak langsung dapat menghubungkan masyarakat tempatan dengan dunia luar, meskipun bukan dari segi fizikal menggunakan perhubungan pengangkutan jalan raya. Pendeknya, masyarakat Orang Asli kini boleh mendapatkan maklumat dan menjadi sumber maklumat kepada dunia luar tanpa perlu keluar dari kawasan perkampungan mereka.

Kedua, masalah kemiskinan sememangnya membelenggu kehidupan Orang Asli. Hal ini diburukkan lagi oleh kemerosotan alam sekitar tasik dan hutan yang menjadi punca rezeki mereka. Selain itu, taraf pendidikan yang rendah serta kurang kemahiran juga menyukarkan usaha mengintegrasikan Orang Asli ke dalam sektor pekerjaan yang banyak tersedia di bandar-bandar berdekatan. Oleh hal yang demikian, tidak hairanlah jika pelbagai usaha meningkatkan taraf pendidikan Orang Asli dijalankan oleh pelbagai pihak sebagai usaha mengeluarkan komuniti ini daripada belenggu kemiskinan. Usaha peningkatan taraf pendidikan Orang Asli dapat dimantapkan lagi dengan memahami faktor-faktor luaran dan dalaman yang menjadi motivasi atau dorongan untuk komuniti ini (Nasrudin et al., 2016).

Ketiga, kelemahan dari segi sikap masyarakat Orang Asli sendiri. Kehidupan *laid back* di kawasan yang jauh daripada orang ramai telah menanamkan sikap sambil lewa dan kurang daya saing dalam diri mereka. Hal ini membantutkan usaha pemerikasaan yang dibawa oleh pihak luar, selain menyebabkan hampir tiada atau amat kurang sekali usaha perubahan yang datangnya dari dalaman komuniti sendiri. Di sinilah letaknya kepentingan wibawa pemimpin komuniti sebagai perancang hala tuju dan suri teladan penduduk setempat. Tok Batin yang semakin dimamah usia dilihat kurang berkesan memainkan peranan ini. Oleh sebab itu, bantuan daripada golongan muda yang menerajui

MPKK Kampung Gulum sejak beberapa tahun kebelakangan ini diharapkan dapat menampung kekurangan kepimpinan Tok Batin dan seterusnya memacu perubahan positif dalam komuniti tempatan. Selagi kelemahan ini tidak dapat ditangani dengan baik dan teliti, penyisihan sosial masyarakat Orang Asli khususnya di Tasik Chini akan terus berlaku sekali gus merencatkan usaha ke arah mengintegrasikan kehidupan masyarakat Orang Asli ke dalam kehidupan arus perdana.

Dalam masa yang sama, komuniti Orang Asli Tasik Chini turut berhadapan dengan pelbagai cabaran persekitaran. Cabaran utama yang dihadapi oleh komuniti Orang Asli Tasik Chini berkaitan kemerosotan alam sekitar tasik dan hutan di sekeliling mereka. Hal ini sememangnya berada di luar kawalan mereka, hingga menyebabkan timbulnya rasa kecewa dan tiada upaya untuk mengubah keadaan. Saban hari mereka melihat sendiri hutan di sekeliling mereka digondolkan dan sumber-sumber hutan yang dulunya banyak kian menghilang. Mereka juga merintih tentang hasil tangkapan ikan yang makin berkurangan, bunga teratai yang tiada lagi di tasik dan air tasik yang tidak lagi sejernih dulu. Semua ini menunjukkan kebergantungan yang tinggi masyarakat Orang Asli terhadap unsur-unsur semula jadi di sekeliling mereka. Namun begitu, dalam cabaran masa kini, kebergantungan ini perlu dikurangkan. Masyarakat Orang Asli kini perlu belajar untuk menghasilkan sendiri keperluan harian mereka dengan cara menanam tanaman keperluan, menternak ayam itik serta membela ikan sangkar di kawasan persekitaran tempat tinggal mereka. Dengan cara ini keperluan harian mereka dapat dipenuhi dan hasil yang berlebihan dapatlah dijual kepada masyarakat luar. Interaksi yang timbul dalam aktiviti jual beli ini diharapkan berupaya memupuk kesefahaman antara Orang Asli dengan masyarakat luar.

Agenda 2030 merupakan salah satu inisiatif bagi menjamin kesejahteraan Orang Asli yang mencerminkan visi masa depan yang bercita-cita tinggi, dengan penekanan bahawa tiada sesiapa yang ditinggalkan. Perkara ini menjadi agenda transformatif yang memerlukan perubahan pada setiap peringkat untuk memastikan

ia menjadi realiti. Hasil yang muktamad akan bergantung dengan cara Agenda 2030 ini dilaksanakan pada peringkat nasional dan tempatan. Jika pelaksanaan tersebut menyumbang kepada pencapaian hak Orang Asli, seperti termaktub dalam Deklerasi PBB berkenaan Hak Orang Asal, ia akan membantu mengatasi diskriminasi yang kini terhadap Orang Asli. Namun, jika usaha untuk mencapai Agenda 2030 tersebut mengabaikan aspirasi dan hak Orang Asli, ia akan lagi meminggirkan mereka serta menggugat kesejahteraan mereka (Feiring et al., 2017).

Jika Agenda 2030 ingin menangani cabaran yang dihadapi, terdapat tiga aspek penting yang perlu dipertimbangkan: (i) Orang Asli mestilah dilindungi daripada kesan negatif arus pembangunan am yang mungkin menggugat hak dan kesejahteraan mereka; (ii) Orang Asli mempunyai hak untuk terlibat sepenuhnya dan mendapat manfaat daripada usaha pembangunan secara am dan (iii) hak Orang Asli kepada pembangunan ditentukan-sendiri mestilah disokong (Feiring et al., 2017). Selain itu, konsep pembangunan lestari juga merupakan inisiatif dalam menjaga hak asasi Orang Asli. Terma pembangunan lestari membawa maksud bentuk pembangunan yang memenuhi keperluan semasa tanpa menggugat keupayaan generasi masa hadapan untuk memenuhi keperluan mereka. Dengan itu, pembangunan lestari mengiktiraf bahawa adanya had alam sekitar ke atas aktiviti manusia di bumi ini dan pembangunan lestari perlu merangkumi sudut alam sekitar, ekonomi dan sosial secara holistik, untuk memastikan masa depan kita bersama. Tiga aspek ini dikenali sebagai tiga tiang pembangunan lestari. Aspek-aspek ini juga mencerminkan visi holistik Orang Asli terhadap pembangunan yang sememangnya menekankan kemapanan alam sekitar bersama dengan pembangunan sosial dan ekonomi. Oleh sebab itu, penglibatan Orang Asli dalam perbincangan berkenaan hak asasi manusia, kemapanan alam sekitar, pembangunan insan menyumbang kepada pemahaman kita tentang pembangunan lestari.

Sepanjang sejarah, Orang Asli berjuang terhadap cabaran kolonisasi dan pembangunan untuk menangani peminggiran dan mengekalkan hak penentuan diri mereka serta hak mereka kepada

tanah, wilayah dan sumber-sumber alam. Sejak 1960-an, Orang Asli membawa perjuangan ini kepada Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu untuk mengadvokasikan pengiktirafan hak-hak mereka.

Kesimpulan

Agenda 2030 berjanji supaya tiada sesiapa ditinggalkan, ini mencerminkan prinsip asas hak asasi manusia iaitu kesaksamaan dan tiada diskriminasi. Tiada diskriminasi bermaksud Orang Asli atau Orang Asal mempunyai hak yang sama dengan rakyat lain untuk kemudahan pendidikan dan kesihatan, tanpa sebarang diskriminasi. Tambahan, mereka juga tidak boleh didiskriminasikan sebagai kaum dan mempunyai hak kepada pendidikan dalam budaya dan bahasa mereka sendiri. Mereka juga berhak untuk mengekalkan amalan perubatan dan kesihatan tradisi. Prinsip tiada diskriminasi merangkumi Orang Asli secara kolektif dan juga secara individu, termasuklah untuk memastikan kesaksamaan antara lelaki dengan wanita.

Prinsip kesaksamaan dan tiada diskriminasi dicerminkan dalam pelbagai cara dalam *sustainable development goals* (SDG). Kebanyakan matlamat dan sasaran tersebut menegaskan pencapaian untuk semua. Contohnya, sasaran 1.1 untuk “menghapuskan kemiskinan tegar untuk semua orang di semua tempat”. Matlamat dan sasaran tersebut memberikan tumpuan kepada keperluan khas kumpulan khusus atau pemegang hak. Contohnya, sasaran 2.3. berkenaan produktiviti pertanian dan pendapatan penghasil makanan kecil-kecilan serta sasaran 4.5. berkenaan capaian sama rata kepada pendidikan, kedua-duanya khusus menyebut tentang Orang Asal. Dua matlamat dalam SDG bertujuan untuk menangani terus isu diskriminasi dan ketidakaksamaan. Pertama, Matlamat 5 ingin menamatkan semua bentuk diskriminasi terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan. Perkara ini sangat penting kepada wanita dan kanak-kanak perempuan Orang Asli yang menghadapi diskriminasi

tiga kali ganda kerana jantina, Orang Asli dan miskin. Kedua, Matlamat 10 bertujuan mengurangkan ketidaksaksamaan dalam dan antara negara-negara (Feiring et al., 2017).

Menerusi penekanan yang kuat kepada kesaksamaan dan tiada diskriminasi, SDG boleh membawa kesan nyata kepada kehidupan Orang Asli terutama kaum wanita mereka jika dilaksanakan secara padu. Hal ini memerlukan negara-negara serta rakan pembangunan lain untuk membuat langkah-langkah khas bagi menangani peminggiran dan diskriminasi semasa terhadap Orang Asli. Langkah-langkah tersebut mestilah dibuat dengan penglibatan penuh Orang Asli dan direka berdasarkan aspirasi dan hak mereka seperti yang termaktub dalam Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Terhadap Hak Orang Asal (UNDRIP).

Rujukan

- Feiring, B., Nolle, L., Carling, J., & Wattimena, P. (2017). *Leaving no one behind: Panduan praktikal untuk Orang Asal*. Asian Indigenous Peoples Pack (AIPP) Foundation.
- Habibah, A., Er, A. C., Mushrifah, I., Hamzah, J., Sivapalan, S., Buang, A., Toriman, M. E. & Sharifah Mastura, S. A. (2013). Revitalizing ecotourism for a sustainable Tasik Chini Biosphere Reserve. *Asian Social Science*, 9(14), 70-85.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2016). *Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli 2016-2020*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Orang Asli.
- Mustaffa, O., Zanisah, M. & Ishak, Y. (2011). Strategi tradisional komuniti Jakun Tasik Chini, Pahang mengurus sumber semulajadi secara lestari. *Jurnal e-Bangi*, 6(2), 239–254.
- Nasrudin, S., Mohd Suhaimi, M., Junaenah, S., Manisah, A., & Noor Rahamah, A. B. (2016). Kepentingan motivasi pendidikan dalam pemerksaan komuniti pribumi. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 3(2), 153–161.
- Nasrudin, S., Rozita, I., Mushrifah, I., & Mohd Suhaimi, M. (2018). *Tasik Cini: Nadi kehidupan Orang Asli Jakun*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Portal Kementerian Pembangunan Luar Bandar. (2020). *Maklumat Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)*. <http://www.rurallink.gov.my/rakyat/mpkk/>
- Portal Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. (2020). *Soalan lazim: Program Pembasmi Kemiskinan Bandar (PPKB)*. <https://www.kpkt.gov.my/index.php/pages/view/285>